



NOTA PENERANGAN TA 2022

Badan Amanah

TAMBAHAN / PINDAAN		
Ruang	Perkara	Muka Surat
A2	Agregat pendapatan berkanun perniagaan dan perkongsian punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia mulai 01.07.2022	4
A7	Agregat pendapatan berkanun lain punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia mulai 01.07.2022	8
A18	PENDAPATAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA (Bagi tempoh 01.01.2022 – 30.06.2022)	10
B2a – B2f	Pecahan Pendapatan Bercukai	12
B5	Pelepasan cukai seksyen 132 dan 133	14
D15	Membuat pembayaran yang dikecualikan daripada peruntukan perenggan 39(1)(r) kepada entiti Labuan	20
BAHAGIAN F	MAKLUMAT JURUAUDIT	26
BAHAGIAN G	MAKLUMAT EJEN CUKAI DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI	27

Nota ini disediakan bagi membantu badan amanah melengkapkan Borang TA bagi Tahun Taksiran 2022. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2022 adalah benar, betul dan lengkap. Ketetapan Umum No. 9/2020 berkenaan Pencukaian Amanah boleh diperolehi untuk rujukan di Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), <https://www.hasil.gov.my>.

Nota ini perlu dibaca bersekali dengan Panduan Pengiraan (Helaian-helaian Kerja) Dan Maklumat Lain (Lampiran-lampiran) Untuk Selain Syarikat Dan Selain Individu yang boleh diperolehi di portal rasmi LHDNM > <https://www.hasil.gov.my> > **Laman Utama > Borang > Muat Turun Borang > Selain Syarikat Dan Selain Individu.**

Semua rekod, helaian kerja dan dokumen tidak perlu disertakan semasa pengemukaan Borang TA KECUALI bagi kes pembayaran balik yang mana helaian kerja berikut perlu dikemukakan:-

- (i) Helaian Kerja **HK-6** mengenai tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain); dan
- (ii) Helaian Kerja **HK-8 / HK-9** (jika berkenaan) berhubung dengan potongan cukai yang telah dibuat di negara asing.

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula dari akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Sila isi semua ruang yang berkaitan dengan **HURUF BESAR** dan gunakan pen mata bulat berdakwat **hitam**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

Bahagian B (kecuali B1) perlu diisi dengan nilai sen manakala amaun di bahagian lain hanya perlu mengambil kira nilai ringgit sahaja.

Contoh: Pendapatan Bercukai (ruang B1) RM 180,246.65
Cukai Kena Dibayar (ruang B6) RM 65,927.98

B1	PENDAPATAN BERCUKAI	1 8 0 , 2 4 6
B6	CUKAI KENA DIBAYAR	6 5 , 9 2 7 9 8

MAKLUMAT ASAS

Ruang	Perkara	Keterangan
1.	Nama badan amanah	Nama badan amanah seperti didaftarkan.
2.	No. cukai pendapatan	Isikan nombor cukai pendapatan TA. Contoh : TA 2012345621 TA 2 0 1 2 3 4 5 6 2 1
3.	Mastautin di Malaysia	Isikan '1' dalam petak yang disediakan sekiranya badan amanah bermastautin di Malaysia atau '2' sekiranya bermastautin di luar Malaysia. Jika '2' isi ruang 5.
4.	No. majikan	Nombor rujukan E majikan. Contoh: E 202154402 E 2 0 2 1 5 4 4 0 2
5.	Negara mastautin	Sila rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai penuh di Lampiran E. <i>Contoh:</i> Jika unit amanah / amanah harta tanah bermastautin di Singapura, masukkan kod negara yang berkenaan seperti berikut:- S G

6.	Tarikh mula beroperasi	<p>Tarikh badan amanah bermula operasi.</p> <p>“Operasi” bermaksud suatu aktiviti yang terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • menjalankan suatu perniagaan; • membuat pelaburan; • menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan; atau • membuat pelaburan sebelum permulaan perniagaan atau selepas pemberhentian perniagaan. 																											
7.	Penyimpanan rekod	<p>Ini merujuk kepada penyimpanan rekod yang mencukupi seperti dikehendaki dalam peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967).</p> <p>Tandakan ‘1’ dalam petak untuk ‘Ya’ sekiranya mematuhi atau ‘2’ jika tidak.</p>																											
8.	Tempoh perakaunan	<p>Tarikh mula dan tutup tempoh perakaunan badan amanah.</p> <p>Sila rujuk contoh-contoh di ruang 9.</p>																											
9.	Tempoh asas	<p>Tempoh asas bagi tahun taksiran semasa badan amanah. Jika badan amanah baru beroperasi atau menukar tarikh tutup akaunnya, sila isi tarikh mula dan tutup tempoh asas yang betul di ruang 9.</p> <p>Contoh 1: Badan amanah yang baru beroperasi</p> <p>Akaun pertama : 1.5.2021 hingga 31.3.2022 (11 bulan)</p> <p>Akaun kedua : 1.4.2022 hingga 31.3.2023 (12 bulan)</p> <p>Ruang 8 dan 9 perlu diisi seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="459 898 1513 1084"> <thead> <tr> <th>Tahun Taksiran</th> <th>Tempoh Perakaunan</th> <th>Tempoh Asas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2022</td> <td>01/05/2021 - 31/03/2022</td> <td>01/05/2021 - 31/03/2022 (11 bulan)</td> </tr> <tr> <td>2023</td> <td>01/04/2022 - 31/03/2023</td> <td>01/04/2022 - 31/03/2023 (12 bulan)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Contoh 2: Badan amanah yang baru beroperasi</p> <p>Akaun pertama : 1.2.2021 hingga 30.4.2022 (15 bulan)</p> <p>Akaun kedua : 1.5.2022 hingga 30.4.2023 (12 bulan)</p> <p>Isi Ruang 8 dan 9 seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="459 1294 1513 1480"> <thead> <tr> <th>Tahun Taksiran</th> <th>Tempoh Perakaunan</th> <th>Tempoh Asas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2022</td> <td>01/02/2021 - 30/04/2022</td> <td>01/02/2021 - 30/04/2022 (15 bulan)</td> </tr> <tr> <td>2023</td> <td>01/05/2022 - 30/04/2023</td> <td>01/05/2022 - 30/04/2023 (12 bulan)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Contoh 3: Pertukaran tempoh perakaunan</p> <p>Akaun sedia ada : 1.3.2020 hingga 28.2.2021 (12 bulan)</p> <p>Akaun berikutnya : 1.3.2021 hingga 31.12.2021 (10 bulan)</p> <p>1.1.2022 hingga 31.12.2022 (12 bulan)</p> <p>Ruang 8 dan 9 perlu diisi seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="459 1713 1513 1899"> <thead> <tr> <th>Tahun Taksiran</th> <th>Tempoh Perakaunan</th> <th>Tempoh Asas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2021</td> <td>01/03/2020 - 28/02/2021</td> <td>01/03/2020 - 28/02/2021 (12 bulan)</td> </tr> <tr> <td>2022</td> <td>01/03/2021 - 31/12/2022</td> <td>01/03/2021 - 31/12/2022 (22 bulan)</td> </tr> </tbody> </table> <p>Contoh 4: Pertukaran tempoh perakaunan</p> <p>Akaun sedia ada : 1.7.2020 hingga 30.6.2021 (12 bulan)</p> <p>Akaun berikutnya : 1.7.2021 hingga 31.5.2023 (23 bulan)</p> <p>1.6.2023 hingga 31.5.2024 (12 bulan)</p> <p>Isi Ruang 8 dan 9 seperti berikut:-</p>	Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	2022	01/05/2021 - 31/03/2022	01/05/2021 - 31/03/2022 (11 bulan)	2023	01/04/2022 - 31/03/2023	01/04/2022 - 31/03/2023 (12 bulan)	Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	2022	01/02/2021 - 30/04/2022	01/02/2021 - 30/04/2022 (15 bulan)	2023	01/05/2022 - 30/04/2023	01/05/2022 - 30/04/2023 (12 bulan)	Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	2021	01/03/2020 - 28/02/2021	01/03/2020 - 28/02/2021 (12 bulan)	2022	01/03/2021 - 31/12/2022	01/03/2021 - 31/12/2022 (22 bulan)
Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas																											
2022	01/05/2021 - 31/03/2022	01/05/2021 - 31/03/2022 (11 bulan)																											
2023	01/04/2022 - 31/03/2023	01/04/2022 - 31/03/2023 (12 bulan)																											
Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas																											
2022	01/02/2021 - 30/04/2022	01/02/2021 - 30/04/2022 (15 bulan)																											
2023	01/05/2022 - 30/04/2023	01/05/2022 - 30/04/2023 (12 bulan)																											
Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas																											
2021	01/03/2020 - 28/02/2021	01/03/2020 - 28/02/2021 (12 bulan)																											
2022	01/03/2021 - 31/12/2022	01/03/2021 - 31/12/2022 (22 bulan)																											

		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Taksiran</th> <th>Tempoh Perakaunan</th> <th>Tempoh Asas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2021</td> <td>01/07/2020 - 30/06/2021</td> <td>01/07/2020 - 30/06/2021 (12 bulan)</td> </tr> <tr> <td>2022</td> <td rowspan="2">01/07/2021 - 31/05/2023</td> <td>01/07/2021 - 30/06/2022 (12 bulan)</td> </tr> <tr> <td>2023</td> <td>01/07/2022 - 31/05/2023 (11 bulan)</td> </tr> <tr> <td>2024</td> <td>01/06/2023 - 31/05/2024</td> <td>01/06/2023 - 31/05/2024 (12 bulan)</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	2021	01/07/2020 - 30/06/2021	01/07/2020 - 30/06/2021 (12 bulan)	2022	01/07/2021 - 31/05/2023	01/07/2021 - 30/06/2022 (12 bulan)	2023	01/07/2022 - 31/05/2023 (11 bulan)	2024	01/06/2023 - 31/05/2024	01/06/2023 - 31/05/2024 (12 bulan)
Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas														
2021	01/07/2020 - 30/06/2021	01/07/2020 - 30/06/2021 (12 bulan)														
2022	01/07/2021 - 31/05/2023	01/07/2021 - 30/06/2022 (12 bulan)														
2023		01/07/2022 - 31/05/2023 (11 bulan)														
2024	01/06/2023 - 31/05/2024	01/06/2023 - 31/05/2024 (12 bulan)														
		<p>Contoh 5: Pertukaran tempoh perakaunan Akaun sedia ada : Akaun berakhir 31 Disember Akaun berikutnya : 1.1.2021 hingga 31.5.2021 (5 bulan) 1.6.2021 hingga 31.5.2022 (12 bulan)</p> <p>Isi Ruang 8 dan 9 seperti berikut:-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Taksiran</th> <th>Tempoh Perakaunan</th> <th>Tempoh Asas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2021</td> <td>01/01/2021 - 31/05/2021</td> <td>01/01/2021 - 31/05/2021 (5 bulan)</td> </tr> <tr> <td>2022</td> <td>01/06/2021 - 31/05/2022</td> <td>01/06/2021 - 31/05/2022 (12 bulan)</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	2021	01/01/2021 - 31/05/2021	01/01/2021 - 31/05/2021 (5 bulan)	2022	01/06/2021 - 31/05/2022	01/06/2021 - 31/05/2022 (12 bulan)					
Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas														
2021	01/01/2021 - 31/05/2021	01/01/2021 - 31/05/2021 (5 bulan)														
2022	01/06/2021 - 31/05/2022	01/06/2021 - 31/05/2022 (12 bulan)														
10.	Kelulusan pengecualian cukai	<p>Isikan '1' ('Ya') jika badan amanah telah mendapat kelulusan pengecualian cukai; atau '2' ('Tidak') sekiranya permohonan untuk pengecualian cukai tidak / belum diluluskan atau badan amanah tidak membuat permohonan untuk pengecualian cukai.</p> <p>Jika '1' ('Ya'), isikan item 11.</p>														
11.	No. kelulusan pengecualian cukai	Nombor kelulusan pengecualian cukai.														

BAHAGIAN A PENDAPATAN BERKANUN, JUMLAH PENDAPATAN DAN PENDAPATAN BERCUKAI

Ruang	Perkara	Keterangan
A1	Agregat pendapatan berkanun perniagaan dan perkongsian punca Malaysia	<p>Pendapatan Berkanun Perniagaan</p> <p>Keuntungan yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian, profesion dan setiap pengilangan, duga niaga atau usaha bercorak perdagangan dikenakan cukai. Perolehan dan keuntungan termasuk terimaan kasar daripada penjualan barang-barang dan terimaan daripada pemberian perkhidmatan.</p> <p>Gunakan Helaiian Kerja HK-1 / Helaiian Kerja HK-1D bagi pengiraan pendapatan berkanun perniagaan.</p> <p>Pendapatan Berkanun Perkongsian</p> <p>Pembahagian keuntungan / kerugian yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian, profesion dan setiap pengilangan, duga niaga atau usaha bercorak perdagangan dikenakan cukai.</p> <p>Gunakan Helaiian Kerja HK-1B bagi pengiraan pendapatan berkanun perkongsian.</p> <p>Isi pendapatan berkanun bagi setiap perniagaan dan perkongsian di lampiran ruang A1.</p>

RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN DAN PERKONGSIAN PUNCA MALAYSIA			
BAHAGIAN I: PERNIAGAAN			
Bil.	Pengenalan Perniagaan	Kod Perniagaan	Pendapatan Berkanun (RM)
i)	Perniagaan 1		
ii)	Perniagaan 2		
iii)	Perniagaan 3		
iv)	Perniagaan 4		
v)	Perniagaan 5 + 6 dan seterusnya		
JUMLAH: (I)			
BAHAGIAN II: PERKONGSIAN			
Bil.	Pengenalan Perkongsian	No. Cukai Pendapatan	Pendapatan Berkanun (RM)
i)	Perkongsian 1	D	
ii)	Perkongsian 2	D	
iii)	Perkongsian 3 + 4 dan seterusnya	D	
JUMLAH: (II)			
AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN & PERKONGSIAN PUNCA MALAYSIA (I + II) [Pindahkan amaun ini ke ruang A1]			

Kod Perniagaan

Masukkan kod perniagaan mengikut jenis perniagaan yang dijalankan di Malaysia. Dapatkan kod perniagaan untuk perniagaan berkenaan daripada Lampiran G.

Pendapatan Berkanun Perniagaan

Pindahkan amaun J5 dari Helaian Kerja HK-1 / amaun L dari Helaian Kerja HK-1D bagi setiap punca perniagaan ke lampiran ruang A1.

Sekiranya badan amanah mempunyai lebih daripada lima (5) perniagaan, sila jumlahkan dan masukkan pendapatan berkanun perniagaan 5 dan seterusnya ke ruang 'Perniagaan 5 + 6 dan seterusnya'.

Bagi perniagaan 5 + 6 dan seterusnya, sila senaraikan secara berasingan mengikut format Perniagaan 1 hingga 4, dan simpan untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak.

Pendapatan Berkanun Perkongsian

Pindahkan amaun E / G dari Helaian Kerja HK-1B bagi setiap punca perkongsian ke lampiran ruang A1.

Sekiranya badan amanah mempunyai lebih daripada tiga (3) perkongsian, sila jumlahkan dan masukkan pendapatan berkanun perkongsian 3 dan seterusnya di ruang 'Perkongsian 3 + 4 dan seterusnya'.

Bagi perkongsian 3 + 4 dan seterusnya, sila senaraikan secara berasingan mengikut format Perkongsian 1 dan 2 dan simpan untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak.

Pindahkan amaun AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN DAN PERKONGSIAN PUNCA MALAYSIA dari lampiran ke ruang A1 Borang TA.

A2	Agregat pendapatan berkanun perniagaan dan perkongsian punca luar Malaysia yang diterima di	<p>Mulai 1 Januari 2022, pengecualian kepada pemastautin Malaysia ke atas pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia di bawah perenggan 28, Jadual 6, ACP 1967 telah ditarik balik. Pendapatan punca luar Malaysia yang diremitkan ke Malaysia oleh pemastautin sama ada bersifat aktif atau pasif selain daripada punca yang terbit dari operasi yang dijalankan di Malaysia, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.</p> <p>Ruang ini perlu diisi oleh badan amanah pemastautin yang meremitkan</p>
----	---	---

Malaysia mulai
01.07.2022

pendapatan perniagaan dan / atau perkongsian dari punca luar Malaysia ke
Malaysia mulai 1 Julai 2022.

Isi maklumat yang dikehendaki di lampiran ruang A2.

RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN DAN PERKONGSIAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA MULAI 1 JULAI 2022 [JIKA 3 = 1]					
BAHAGIAN I: PERNIAGAAN					
Bil.	Pengenalan Perniagaan	Kod Perniagaan	Negara (Gunakan kod negara)	Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal (RM)	Pendapatan Berkanun (RM)
i)	Perniagaan 1				
ii)	Perniagaan 2				
iii)	Perniagaan 3				
iv)	Perniagaan 4				
v)	Perniagaan 5 + 6 dan seterusnya				
JUMLAH: (I)					
BAHAGIAN II: PERKONGSIAN					
Bil.	Pengenalan Perkongsian	Kod Perniagaan	Negara (Gunakan kod negara)	Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal (RM)	Pendapatan Berkanun (RM)
i)	Perkongsian 1				
ii)	Perkongsian 2				
iii)	Perkongsian 3 + 4 dan seterusnya				
JUMLAH: (II)					
AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN & PERKONGSIAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA MULAI 1 JULAI 2022 (I + II) [Pindahkan amaun ini ke ruang A2]					

Kod Perniagaan

Isikan kod perniagaan mengikut jenis perniagaan yang dijalankan di luar Malaysia. Dapatkan kod perniagaan untuk perniagaan berkenaan daripada Lampiran G.

Negara

Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.

Pendapatan Berkanun

Tentukan amaun pendapatan berkanun dari punca pendapatan perniagaan luar Malaysia yang diremitkan ke Malaysia.

Perbelanjaan atau potongan yang dilakukan yang berkaitan dengan pendapatan luar Malaysia yang diterima di Malaysia boleh dibenarkan tertakluk kepada peruntukan di bawah ACP 1967 .

Rujuk garis panduan khas berkaitan Layanan Pendapatan dari Luar Malaysia yang akan dikeluarkan di portal Hasil bagi panduan pengiraan pendapatan berkanun.

Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal

Isi jumlah cukai yang telah dikenakan di negara asal di mana pendapatan tersebut terbit. Badan amanah hendaklah menyimpan dokumen berkait pendapatan, notis taksiran atau lain-lain dokumen yang menunjukkan pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di luar negara.

Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan ini.

Pindahkan amaun AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN PERNIAGAAN DAN PERKONGSIAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA dari lampiran ke ruang A2 Borang TA.

A3

AGREGAT
PENDAPATAN
BERKANUN
PERNIAGAAN
DAN

A1 *campur* A2.

	PERKONGSIAN																																																					
A4	Rugi perniagaan bawa hadapan	<p>Kerugian perniagaan / perkongsian dari tahun terdahulu yang belum ditolak dan dibawa ke tahun semasa untuk ditolak daripada agregat pendapatan berkanun perniagaan dan perkongsian.</p> <p>Amaun B dari Helaian Kerja HK-1.3.</p> <p>Jika amaun di ruang A4 melebihi amaun di ruang A3, isikan amaun seperti di ruang A3 dalam ruang ini.</p>																																																				
A5	JUMLAH	A3 tolak A4.																																																				
A6	Agregat pendapatan berkanun lain punca Malaysia	<p>Isi maklumat yang dikehendaki di lampiran ruang A6. Pendapatan berkanun lain punca Malaysia termasuk dividen, faedah, diskaun, sewa, royalti, premium, anuiti dan bayaran berkala lain, apa-apa perolehan dan keuntungan lain dan tambahan mengikut perenggan 43(1)(c).</p> <table border="1" data-bbox="507 607 1477 1066"> <thead> <tr> <th colspan="4">RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA MALAYSIA</th> </tr> <tr> <th>Bil.</th> <th>Jenis Pendapatan</th> <th colspan="2">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td>Dividen</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td>Faedah</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>Diskaun</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(iv)</td> <td>Sewa</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(v)</td> <td>Royalti</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(vi)</td> <td>Premium</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(vii)</td> <td>Anuiti dan bayaran berkala lain</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(viii)</td> <td>Apa-apa perolehan dan keuntungan lain</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(ix)</td> <td>Tambahan mengikut perenggan 43(1)(c)</td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3">AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA MALAYSIA</td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">[(i) hingga (ix)] [Pindahkan amaun ini ke ruang A6]</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pindahkan amaun AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA MALAYSIA dari lampiran ke ruang A6 Borang TA.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dividen - Pendapatan berkanun daripada dividen yang boleh dikenakan cukai. ▪ Faedah - Faedah ialah wang yang dibayar bagi penggunaan wang atau pembahagian keuntungan kepada pemiutang yang dianggap diterima oleh peminjam atau penghutang dari penggunaan wang tersebut. Pendapatan daripada faedah hendaklah dimasukkan sebagai pendapatan kasar apabila diterima bagi tempoh asas di mana pendapatan itu pertama kali boleh diterima. <p>Amaun E dari Helaian Kerja HK-5.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Diskaun - Pendapatan ini berpunca daripada pelaburan seperti bil perbendaharaan, bil pertukaran dan nota janji. ▪ Sewa - Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain yang serupa. <p>Amaun E dari Helaian Kerja HK-4B.</p> <p>a) Potongan khas bagi pengurangan sewa di bawah P.U. (A) 353/2021 dan P.U. (A) 479/2021</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Potongan khas diberikan kepada pemberi sewa yang memberikan pengurangan sewa premis perniagaan kepada penyewa PKS. (ii) Sila buat pengiraan dalam Helaian Kerja HK-4E dan pindahkan amaun yang layak ke HK-4B untuk tuntutan perbelanjaan / potongan khas. Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan. <p>b) Potongan khas bagi pengurangan sewa di bawah P.U. (A) 354/2021 dan</p>	RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA MALAYSIA				Bil.	Jenis Pendapatan	RM		(i)	Dividen		.00	(ii)	Faedah		.00	(iii)	Diskaun		.00	(iv)	Sewa		.00	(v)	Royalti		.00	(vi)	Premium		.00	(vii)	Anuiti dan bayaran berkala lain		.00	(viii)	Apa-apa perolehan dan keuntungan lain		.00	(ix)	Tambahan mengikut perenggan 43(1)(c)		.00	AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA MALAYSIA			.00	[(i) hingga (ix)] [Pindahkan amaun ini ke ruang A6]			
RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA MALAYSIA																																																						
Bil.	Jenis Pendapatan	RM																																																				
(i)	Dividen		.00																																																			
(ii)	Faedah		.00																																																			
(iii)	Diskaun		.00																																																			
(iv)	Sewa		.00																																																			
(v)	Royalti		.00																																																			
(vi)	Premium		.00																																																			
(vii)	Anuiti dan bayaran berkala lain		.00																																																			
(viii)	Apa-apa perolehan dan keuntungan lain		.00																																																			
(ix)	Tambahan mengikut perenggan 43(1)(c)		.00																																																			
AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA MALAYSIA			.00																																																			
[(i) hingga (ix)] [Pindahkan amaun ini ke ruang A6]																																																						

P.U. (A) 480/2021

- (i) Potongan khas diberikan kepada pemberi sewa yang memberikan pengurangan sewa premis perniagaan kepada penyewa selain PKS.
- (ii) Sila buat pengiraan di HK-4E dan pindahkan amaun pengurangan sewa yang layak ke HK-4B untuk tuntutan perbelanjaan / potongan khas. Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan.

- **Royalti** - 'Royalti' termasuk apa-apa bayaran yang dibayar sebagai balasan untuk atau diterima daripada:
 - a) penggunaan atau hak untuk menggunakan, hakcipta, perisian, karya seni atau kerja saintifik, paten, reka bentuk atau model, pelan, proses atau formula rahsia, tanda dagangan atau lain-lain bentuk harta atau hak;
 - b) penggunaan atau hak untuk menggunakan, kaset untuk penyiaran radio atau televisyen, filem wayang gambar, filem atau pita video atau apa-apa penerbitan semula lain di mana filem atau kaset tersebut telah atau akan digunakan atau diterbitkan semula di Malaysia, atau lain-lain bentuk harta atau hak;
 - c) penggunaan atau hak untuk menggunakan pengetahuan 'know-how' atau pengetahuan teknikal, perindustrian, komersial atau saintifik, pengalaman atau kemahiran;
 - d) penerimaan atau hak untuk menerima imej visual atau suara, atau kedua-duanya, yang dihantar kepada orang ramai melalui satelit, kabel, kabel fiber optik atau teknologi serupa;
 - e) penggunaan atau hak untuk menggunakan imej visual atau suara, atau kedua-duanya, berkaitan dengan penyiaran televisyen atau penyiaran radio yang dihantar melalui satelit, kabel, kabel fiber optik atau teknologi serupa;
 - f) penggunaan atau hak untuk menggunakan, sebahagian atau keseluruhan spektrum frekuensi radio tertentu dalam lesen yang berkaitan;
 - g) Perihal tidak membuat keseluruhan atau sebahagian berkenaan dengan:
 - (i) penggunaan atau kebenaran untuk menggunakan apa-apa harta atau hak sebagaimana disebutkan dalam perenggan (a) atau (b) atau apa-apa pengetahuan, pengalaman, atau kemahiran sebagaimana disebutkan dalam perenggan (c);
 - (ii) penerimaan atau kebenaran untuk menerima, apa-apa imej visual atau suara seperti yang disebutkan dalam perenggan (d);
 - (iii) penggunaan atau kebenaran untuk menggunakan apa-apa imej visual atau suara seperti yang disebutkan dalam ayat (e); atau
 - (iv) penggunaan atau kebenaran untuk menggunakan, sebahagian atau keseluruhan spektrum tertentu dalam lesen spektrum sebagaimana disebutkan dalam ayat (f); atau
 - h) pengasingan apa-apa harta, pengetahuan (know-how) atau maklumat yang disebutkan dalam perenggan (a), (b) atau (c).

Amaun H dari Helaiian Kerja HK-5.

- **Anuiti dan bayaran berkala lain** - Anuiti adalah jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh. Bayaran berkala lain adalah bayaran yang dibuat

berulang kali pada masa-masa tertentu.

- **Apa-apa perolehan dan keuntungan lain** - Pendapatan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

Sertakan Helaian Kerja HK-6 bersama Borang TA sekiranya badan amanah layak menuntut bayaran balik seperti di ruang B4 berhubung tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain).

- **Tambahan mengikut perenggan 43(1)(c)**

Perolehan-perolehan berikut dianggap pendapatan dan diambil kira di peringkat pendapatan agregat badan amanah:

- Perolehan ini berkaitan dengan perbelanjaan operasi mencari gali di bawah Jadual 4 ACP 1967.
- Perolehan ini diambil kira dalam pengiraan cukai jika tuntutan perbelanjaan telah dibuat.
- Rujuk kepada perenggan 43(1)(c) dan perenggan 16 Jadual 4 untuk membuat pengiraan pendapatan yang perlu dimasukkan sebagai pendapatan agregat badan amanah.
- Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan.

A7

Pendapatan berkanun lain punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia mulai 01.07.2022

Mulai 1 Januari 2022, pengecualian kepada pemastautin Malaysia ke atas pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia di bawah perenggan 28, Jadual 6, ACP 1967 telah ditarik balik. Pendapatan punca luar Malaysia yang diremitkan ke Malaysia oleh pemastautin sama ada bersifat aktif atau pasif selain daripada punca yang terbit dari operasi yang dijalankan di Malaysia, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Isi maklumat yang dikehendaki di lampiran ruang A7. Pendapatan berkanun lain punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia mulai 01.07.2022 termasuk dividen, faedah, diskaun, sewa, royalti, premium dan pendapatan lain.

RUMUSAN PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA MULAI 1 JULAI 2022 [JIKA 3 = 1]					
Bil.	Negara	Diterima Daripada Entiti Berkaitan	Jenis Pendapatan *	Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal (RM)	Pendapatan Berkanun (RM)
	<i>(Gunakan kod negara)</i>	<i>(Isi: 1 = Ya 2 = Tidak)</i>			
(i)					
(ii)					
(iii)					
(iv)					
(v)					
AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN LAIN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA MULAI 1 JULAI 2022 ((i) hingga (v))					
<small>[Pindahkan amaun ini ke ruang A7]</small>					

Negara

Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.

Pendapatan Berkanun

Tentukan amaun pendapatan berkanun lain dari punca pendapatan luar Malaysia yang diremitkan ke Malaysia.

Perbelanjaan atau potongan yang dilakukan yang berkaitan dengan pendapatan luar Malaysia yang diterima di Malaysia boleh dibenarkan tertakluk kepada peruntukan di bawah ACP 1967 .

Rujuk garis panduan khas berkaitan Layanan Pendapatan dari Luar Malaysia yang akan dikeluarkan di portal Hasil bagi panduan pengiraan pendapatan berkanun.

		<p>Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal</p> <p>Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia yang telah dikenakan cukai sama ada secara pengenaan cukai pegangan atau cukai pendapatan di luar negara boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 dan 133 ACP.</p> <p>Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan Jumlah Cukai Dikenakan di Negara Asal.</p> <p>Pemastautin yang menuntut kredit cukai mesti menyimpan bukti bahawa cukai luar negara telah dikenakan ke atas pendapatan tersebut.</p> <p>Jumlahkan amaun agregat pendapatan berkanun punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia mulai 01.07.2022 [Jumlah item (i) hingga (v)] dan pindahkan ke ruang A7 Borang TA.</p>																																																				
A8	AGREGAT PENDAPATAN BERKANUN LAIN	A6 <i>campur</i> A7.																																																				
A9	PENDAPATAN AGREGAT	A5 <i>campur</i> A8.																																																				
A10	Rugi perniagaan tahun semasa	<p>Kerugian perniagaan / perkongsian tahun semasa boleh ditolak daripada pendapatan agregat tahun yang semasa.</p> <p>Contoh: Kerugian perniagaan pada tahun 2022 boleh ditolak daripada pendapatan agregat bagi tahun 2022.</p> <p>Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-1.3 ke ruang ini.</p> <p>Amaun A10 adalah terhad kepada amaun A9. Jika amaun A10 melebihi A9, masukkan amaun A9 ke ruang ini.</p>																																																				
A11	Perbelanjaan mencari gali di bawah – Jadual 4	<p>Perbelanjaan yang ditanggung dalam mencari atau mendapat akses kepada simpanan galian dalam suatu kawasan yang layak atau dalam menguji simpanan tersebut, boleh dituntut sebagai potongan.</p> <p>Amaun ini terhad kepada jumlah amaun di A9 tolak A10.</p>																																																				
A12	Anuiti kena dibayar / bayaran berkala	Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau surat ikatan amanah yang melayakkan waris atau benefisiari menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh.																																																				
A13	Derma / hadiah / sumbangan yang diluluskan	<p>Isi maklumat yang dikehendaki di lampiran ruang A13. Resit dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tempoh tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="5">DERMA / HADIAH / SUMBANGAN YANG DILULUSKAN</th> </tr> <tr> <th>Bil.</th> <th>Jenis Derma / Hadiah / Sumbangan</th> <th colspan="2">RM</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td>Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan</td> <td></td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(ii)(a)</td> <td>Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan</td> <td>RM</td> <td>.00</td> <td rowspan="4">} Terhad kepada 10% daripada A9 (ii)</td> </tr> <tr> <td>(ii)(b)</td> <td>Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</td> <td>RM</td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(ii)(c)</td> <td>Hadiah wang atau kos sumbangan barangan kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</td> <td>RM</td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(ii)(d)</td> <td>Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam</td> <td>RM</td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>Hadiah artifak / manuskrip / lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri</td> <td></td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td>(iv)</td> <td>Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan</td> <td></td> <td></td> <td>Terhad RM20,000 .00</td> </tr> <tr> <td>(v)</td> <td>Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri</td> <td></td> <td></td> <td>.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">JUMLAH [(i) hingga (v)] [Pindahkan amaun ini ke ruang A13]</td> <td>.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pindahkan amaun JUMLAH dari lampiran ke ruang A13 Borang TA.</p> <p>Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan [Subseksyen 44(6) ACP 1967]</p>	DERMA / HADIAH / SUMBANGAN YANG DILULUSKAN					Bil.	Jenis Derma / Hadiah / Sumbangan	RM		RM	(i)	Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan			.00	(ii)(a)	Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan	RM	.00	} Terhad kepada 10% daripada A9 (ii)	(ii)(b)	Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	RM	.00	(ii)(c)	Hadiah wang atau kos sumbangan barangan kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	RM	.00	(ii)(d)	Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam	RM	.00	(iii)	Hadiah artifak / manuskrip / lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri			.00	(iv)	Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan			Terhad RM20,000 .00	(v)	Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri			.00	JUMLAH [(i) hingga (v)] [Pindahkan amaun ini ke ruang A13]				.00
DERMA / HADIAH / SUMBANGAN YANG DILULUSKAN																																																						
Bil.	Jenis Derma / Hadiah / Sumbangan	RM		RM																																																		
(i)	Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan			.00																																																		
(ii)(a)	Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan	RM	.00	} Terhad kepada 10% daripada A9 (ii)																																																		
(ii)(b)	Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	RM	.00																																																			
(ii)(c)	Hadiah wang atau kos sumbangan barangan kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	RM	.00																																																			
(ii)(d)	Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam	RM	.00																																																			
(iii)	Hadiah artifak / manuskrip / lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri			.00																																																		
(iv)	Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan			Terhad RM20,000 .00																																																		
(v)	Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri			.00																																																		
JUMLAH [(i) hingga (v)] [Pindahkan amaun ini ke ruang A13]				.00																																																		

		<p>Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan</p> <p>Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri [Subseksyen 44(6) dan proviso, ACP 1967].</p> <p>Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</p> <p>[Subseksyen 44(11B) dan proviso, ACP 1967]</p> <p>Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat bagi projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</p> <p>[Subseksyen 44(11C) dan proviso, ACP 1967]</p> <p>Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam</p> <p>Hadiah wang dalam bentuk:-</p> <p>a) wakaf kepada mana-mana pihak berkuasa agama bersesuaian yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu atau universiti awam yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu untuk menerima wakaf; atau</p> <p>b) endowmen kepada universiti awam.</p> <p>Wakaf atau endowmen hendaklah disumbang bagi tujuan mencapai objektif penubuhan pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam.</p> <p>Maksud 'universiti awam': Institusi pendidikan tinggi berstatus Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173).</p> <p>Pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam mesti diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi maksud subseksyen 44(11D).</p> <p>[Subseksyen 44(11D) dan proviso, ACP 1967]</p>	<p>Terhad kepada 10% daripada A9</p>
A14	Zakat perniagaan	Amaun yang boleh dituntut adalah terhad kepada 2.5% daripada pendapatan agregat di A9. [Subseksyen 44(11A) ACP 1967].	
A15	JUMLAH PENDAPATAN	A9 tolak (A10 hingga A14). Isikan '0' jika hasil tolakan adalah negatif.	
A16 - A18	Badan amanah yang BERMASTAUTIN di Malaysia	<p>Badan amanah yang BERMASTAUTIN di Malaysia, (Isi bahagian ini, jika item 3 = 1)</p> <p>Pembahagian kepada benefisiari yang bermastautin</p> <p>Pembahagian yang ditetapkan bagi setiap benefisiari mengikut syarat-syarat wasiat atau surat ikatan amanah. Walau bagaimanapun, tolakan hanya dibenarkan sekiranya benefisiari berkenaan bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas.</p> <p>PENDAPATAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA (Bagi tempoh 01.01.2022 – 30.06.2022)</p>	

Mulai 1 Januari 2022, pengecualian kepada pemastautin Malaysia ke atas pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia di bawah perenggan 28, Jadual 6, ACP 1967 telah ditarik balik. Pendapatan punca luar Malaysia yang diremitkan ke Malaysia oleh pemastautin sama ada bersifat aktif atau pasif **selain** daripada punca yang terbit dari operasi yang dijalankan di Malaysia, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Pemastautin Malaysia yang meremitkan pendapatan punca Luar Malaysia ke Malaysia dalam tempoh 1.1.2022 sehingga 30.6.2022 layak menikmati kadar cukai 3% atas amaun pendapatan kasar yang diremitkan. Selepas 30.6.2022, kadar cukai biasa yang dikenakan kepada pembayar cukai adalah terpakai.

Isi maklumat yang dikehendaki di lampiran ruang A18.

RUMUSAN PENDAPATAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 30 JUN 2022					
Bil.	Negara	Diterima Daripada Entiti Berkaitan	Jenis Pendapatan *	Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal (RM)	Amaun Kasar Pendapatan Diremitkan (RM)
	<i>(Gunakan kod negara)</i>	<i>(Isi: 1 = Ya 2 = Tidak)</i>			
(i)					
(ii)					
(iii)					
(iv)					
(v)					
PENDAPATAN PUNCA LUAR MALAYSIA YANG DITERIMA DI MALAYSIA BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 30 JUN 2022 ((i) hingga (v)) [Pindahkan amaun ini ke ruang A18]					

Negara

Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.

Amaun Kasar Pendapatan Yang Diremitkan

Jenis pendapatan punca luar Malaysia yang terlibat termasuklah dividen, faedah, diskaun, sewa, royalti, premium dan pendapatan lain. Letakkan jumlah kasar amaun pendapatan yang diremitkan mengikut kadar tukaran mata wang pada tarikh pendapatan diremitkan.

Rujuk perenggan 6(1)(p), Bahagian XX, Jadual 1 ACP 1967 dan garis panduan khas berkaitan layanan cukai bagi pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia yang akan dikeluarkan di Portal Rasmi LHDNM.

Jumlah Cukai Dikenakan Di Negara Asal

Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia yang telah dikenakan cukai sama ada secara pengenaan cukai pegangan atau cukai pendapatan di luar Malaysia boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 dan 133 ACP 1967.

Gunakan kadar pertukaran wang asing pada tarikh peremitan pendapatan dilakukan bagi mengisi ruangan Jumlah Cukai Dikenakan di Negara Asal.

Pemastautin yang menuntut kredit cukai mesti menyimpan bukti bahawa cukai luar negara telah dikenakan ke atas pendapatan tersebut untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak.

Jumlahkan amaun pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia bagi tempoh 1.1.2022 hingga 30.6.2022 [Jumlah item (i) hingga (v)] dan pindahkan ke ruang A18 Borang TA.

A19	Badan amanah yang TIDAK BERMASTAUTIN di Malaysia	<p>Badan amanah yang TIDAK BERMASTAUTIN di Malaysia, (Isi bahagian ini, jika item 3 = 2)</p> <p>Pendapatan kasar yang tertakluk kepada kadar cukai lain</p> <p>Bahagian ini merangkumi pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan kelas khas di bawah seksyen 4A dan pendapatan lain yang tertakluk kepada kadar cukai selain daripada 24%. Jenis pendapatan ini dikenakan cukai atas</p>
-----	---	---

		<p>jumlah kasarnya pada kadar yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK - Sila rujuk Lampiran F) atau ACP 1967, jika tiada PPPDK.</p> <p>Sekiranya pendapatan tersebut melayakkan badan amanah menuntut bayaran balik seperti di ruang B6 berhubung tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain), Helaian Kerja HK-6 perlu dikemukakan bersama Borang TA.</p>
		<p>Faedah</p> <p>Isikan jumlah pendapatan kasar faedah yang dikenakan cukai..</p>
		<p>Royalti</p> <p>Masukkan jumlah pendapatan kasar royalti yang dikenakan cukai.</p>
		<p>Pendapatan kelas khas di bawah seksyen 4A</p> <p>Pendapatan kelas khas terdiri daripada amaun yang diterima sebagai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • balasan bagi perkhidmatan yang diberi berkaitan dengan penggunaan harta atau hak-hak yang dipunyai oleh, atau pemasangan atau pengendalian apa-apa loji, mesin-mesin atau alat-alat lain yang dibeli daripada seseorang bukan pemastautin; • balasan bagi nasihat, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengurusan atau pentadbiran bagi mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial; atau • sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah mana-mana perjanjian atau peraturan bagi penggunaan mana-mana harta alih. <p>Rujukan: Ketetapan Umum No. 11/2018 dan Akta Kewangan 2018 (Akta 812)</p>
		<p>Pendapatan lain</p> <p>Pendapatan lain yang tidak dinyatakan di atas.</p> <p>Masukkan jumlah kasar pendapatan lain yang dikenakan cukai pada kadar selain daripada 24%.</p>
(A17 + A18) atau A20	PENDAPATAN BERCUKAI	<p>A15 tolak A16 campur A18 - bagi badan amanah yang bermastautin atau</p> <p>A15 tambah (A19a hingga A19d) - bagi badan amanah yang tidak bermastautin.</p> <p>Isikan '0' jika hasil tolakan adalah negatif.</p>

BAHAGIAN

CUKAI KENA DIBAYAR / DIBAYAR BALIK DAN KEDUDUKAN CUKAI

Ruang	Perkara	Keterangan						
B1	JUMLAH PENDAPATAN BERCUKAI	Jumlah pendapatan bercukai ialah jumlah daripada ruang (A17 + A18) atau A20. Isikan '0' jika badan amanah tidak ada pendapatan bercukai.						
B2a - B2f	Badan amanah bermastautin di Malaysia							
	B2a Kadar 24%	<p>Contoh :</p> <p>PENDAPATAN BERCUKAI di ruang A17: RM 105,500</p> <p>Cukai atas RM 105,500 pada kadar 24% = RM 25,320.00</p> <p>Pindahkan ke ruang B2a:</p> <table> <tr> <td>Pecahan Pendapatan Bercukai</td> <td>Kadar Cukai</td> <td>Cukai Pendapatan</td> </tr> <tr> <td>RM 105,500</td> <td>24%</td> <td>RM 25,320.00</td> </tr> </table> <p>Darab amaun pendapatan bercukai dari ruang A17 dengan kadar cukai 24% dan masukkan hasil pengiraannya di ruang B2a.</p>	Pecahan Pendapatan Bercukai	Kadar Cukai	Cukai Pendapatan	RM 105,500	24%	RM 25,320.00
Pecahan Pendapatan Bercukai	Kadar Cukai	Cukai Pendapatan						
RM 105,500	24%	RM 25,320.00						

B2d
Kadar 3 %

Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022

Amaun pendapatan bercukai di ruang A18 yang tertakluk kepada kadar cukai 3%, dimasukkan ke ruang B2d mengikut kadar cukai seperti di perenggan 6(1)(p), Bahagian XX, Jadual 1 ACP 1967 dan garis panduan khas berkaitan Layanan Pendapatan dari Luar Malaysia yang akan dikeluarkan di portal Hasil bagi panduan penentuan pendapatan yang tertakluk kepada layanan ini.

Contoh:

Pendapatan punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 di ruang A18 : RM20,000.00

Pindahkan ke ruang **B2d**:

Pecahan Pendapatan Bercukai	Kadar Cukai	Cukai Pendapatan
RM 20,000	3%	RM 600.00

Pengisian di Borang TA adalah seperti berikut:

B2 Pecahan Pendapatan Bercukai		Kadar (%)		Cukai Pendapatan	
B2a	105,500 .00		24	B2a	25,320 .00
B2b	.00		10	B2b	.
B2c			15	B2c	.
B2d	20,000 .00		3	B2d	600 .00
B2e	.00			B2e	.
B2f	.00			B2f	.

Badan amanah tidak bermastautin di Malaysia

Contoh :

PENDAPATAN BERCUKAI di ruang A15: RM 105,500
Cukai atas RM 105,500 pada kadar 24% = RM 25,320.00

Pindahkan ke ruang **B2a**:

Pecahan Pendapatan Bercukai	Kadar Cukai	Cukai Pendapatan
RM 105,500	24%	RM 25,320.00

Darab amaun pendapatan bercukai dari ruang **A15** dengan kadar cukai 24% dan masukkan hasil pengiraannya di ruang **B2a**.

B2c hingga B2f
Kadar lain

Pendapatan Kasar yang tertakluk kepada kadar cukai lain

Amaun pendapatan bercukai dari ruang A19a hingga ruang A19d yang tertakluk kepada kadar cukai selain daripada 24%, dimasukkan ke ruang B2b hingga ruang B2f (yang mana berkenaan) mengikut kadar cukai seperti ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK - Sila rujuk Lampiran F) atau ACP 1967, jika tiada PPPDK.

Contoh :

Pecahan Pendapatan Bercukai	Kadar Cukai	Cukai Pendapatan
Faedah di ruang A19a : RM 80,300	15%	RM 12,045.00
Royalti di ruang A19b : RM 250,000	10%	RM 25,000.00

Pengisian di Borang TA adalah seperti berikut:

B2 Pecahan Pendapatan Bercukai		Kadar (%)		Cukai Pendapatan	
B2a	105,500 .00		24	B2a	25,320 .00
B2b	250,000 .00		10	B2b	25,000 .00
B2c	80,300 .00		15	B2c	12,045 .00
B2d	.00		3	B2d	.00
B2e	.00			B2e	.
B2f	.00			B2f	.

B3 JUMLAH CUKAI

Jumlahkan cukai pendapatan daripada ruang B2a hingga ruang B2f.

	PENDAPATAN DIKENAKAN	
B4	Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain)	<p>Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas pendapatan lain yang berkenaan (faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan lain-lain pendapatan berkenaan). Amaun B dari Helaian Kerja HK-6.</p> <p>Tolakan cukai Seksyen 110 (lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah Seksyen 107A ACP 1967.</p> <p>Sertakan dokumen berkenaan bersama Helaian Kerja HK-6 sekiranya badan amanah layak menuntut pembayaran balik.</p>
B5	Pelepasan cukai seksyen 132 dan 133 (terhad kepada B3)	<p>Pelepasan cukai Seksyen 132</p> <p>Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan punca Malaysia yang dibawa masuk ke Malaysia, di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang telah memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia.</p> <p>Rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia.</p> <p>Senaraikan pendapatan, cukai yang dipotong di negara asing dan pengiraan pelepasan di bawah seksyen 132 di Helaian Kerja HK-8. Pindahkan amaun B dari Helaian Kerja HK-8 ke ruang ini.</p> <p>Simpan dokumen asal mengenai pendapatan dan cukai yang dikenakan di negara asal dengan teratur untuk tujuan semakan.</p> <p>Rujuk kepada peruntukan Jadual 7 ACP 1967 dan Ketetapan Umum No. 11/2021 untuk membuat pengiraan pelepasan.</p> <p>Bagi pemastautin Malaysia yang meremitkan pendapatan punca Luar Malaysia ke Malaysia mulai 1 Januari 2022 dan pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di negara asal, rujuk garis panduan khas berkaitan Layanan Pendapatan dari Luar Malaysia yang akan dikeluarkan di portal Hasil bagi panduan penentuan tuntutan kredit cukai yang layak.</p> <p>Jika kredit cukai yang dituntut untuk suatu tahun taksiran melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar bagi pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia, lebih kredit cukai tersebut hendaklah diabaikan.</p> <hr/> <p>Pelepasan cukai Seksyen 133</p> <p>Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan punca Malaysia yang dibawa masuk ke Malaysia, di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang TIDAK memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia</p> <p>Senaraikan pendapatan, cukai yang dipotong di negara asing dan pengiraan pelepasan di bawah seksyen 133 di Helaian Kerja HK-9. Pindahkan amaun B dari Helaian Kerja HK-9 ke ruang ini.</p> <p>Simpan dokumen asal berkenaan pendapatan dan cukai yang dikenakan di negara asal dengan teratur untuk tujuan semakan.</p> <p>Rujuk kepada peruntukan Jadual 7 ACP 1967 dan Ketetapan Umum No. 11/2021 untuk membuat pengiraan pelepasan.</p> <p>Bagi pemastautin Malaysia yang meremitkan pendapatan punca Luar Malaysia ke Malaysia mulai 1 Januari 2022 dan pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di negara asal, rujuk garis panduan khas berkaitan Layanan Pendapatan dari Luar Malaysia yang akan dikeluarkan di portal Hasil bagi panduan penentuan tuntutan kredit cukai yang layak.</p> <p>Jika kredit cukai yang dituntut untuk suatu tahun taksiran melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar bagi pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia, lebih kredit cukai tersebut hendaklah diabaikan.</p> <p>Jumlah tolakan cukai seksyen 132 dan 133 adalah terhad kepada Jumlah Cukai Pendapatan Dikenakan (item B3).</p>

B6	CUKAI KENA DIBAYAR	B3 tolak B4 tolak B5.
B7	CUKAI KENA DIBAYAR BALIK	(B4 + B5) tolak B3. Ruang ini berkenaan jika jumlah tolakan dan pelepasan di ruang B4 dan B5 melebihi jumlah di ruang B3.
B8	Bayaran ansuran yang telah dijelaskan	Bayaran anggaran cukai kena dibayar (CP204) di bawah seksyen 107C yang telah dijelaskan bagi tahun taksiran semasa. Bayaran ini tidak termasuk amaun tunggakan yang diambil kira untuk cukai tahun taksiran ke belakang.
B9	Baki Cukai Kena Dibayar / Cukai Terlebi Bayar	<p>a) Baki cukai kena dibayar : B6 tolak B8 b) Cukai terlebih bayar : B8 tolak B6</p> <p>Baki cukai kena dibayar perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran boleh dibuat melalui:</p> <p>i) ByrHASiL di Portal ByrHASiL LHDNM, https://byrhasil.hasil.gov.my/. <ul style="list-style-type: none"> Bayaran melalui FPX (<i>Financial Process Exchange</i>) di https://byrhasil.hasil.gov.my/fpx.php. Bayaran melalui kad kredit Visa, Mastercard dan American Express di https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/. </p> <p>ii) Bank yang dilantik - Maklumat boleh diperolehi di https://www.hasil.gov.my.</p> <p>iii) Pos Malaysia Berhad - Kaunter sahaja.</p> <p>Gunakan kod bayaran '086' dan no. ansuran '99' apabila membuat bayaran cukai atau baki cukai kena dibayar.</p> <p>Jika bayaran dibuat di kaunter bank atau Pos Malaysia, sila catatkan nama, alamat, nombor telefon, nombor cukai pendapatan, tahun taksiran, kod bayaran '086' dan no. ansuran '99' di belakang instrumen bayaran. Semak resit / slip bayaran bank sebelum meninggalkan kaunter bayaran.</p>

BAHAGIAN C :
MAKLUMAT BERKAITAN PENGIRAAN CUKAI

Ruang	Perkara	Keterangan
C1	Elaun modal dan kenaan jadual 3	Bahagian ini menyediakan ruang-ruang untuk melaporkan elaun Jadual 3 yang dituntut dalam pengiraan pendapatan berkanun perniagaan
C1a	Maklumat elaun modal dan kenaan Jadual 3	Lengkapkan maklumat yang dikehendaki di lampiran ruang C1a.

MAKLUMAT ELAUN MODAL DAN KENAAN JADUAL 3									
Bil.	Pengenalan Perniagaan	Kod Perniagaan	(A) Kenaan Imbangan	(B) Baki Bawa Hadapan	(C) Amaun Diabaikan	(D) Elaun Imbangan	(E) Elaun Modal	(F) Elaun Diserap	(G) Baki Hantar Hadapan (B - C + D + E - F)
BAHAGIAN X: PERNIAGAAN									
i)	Perniagaan 1								
ii)	Perniagaan 2								
iii)	Perniagaan 3								
iv)	Perniagaan 4								
v)	Perniagaan 5 + 6 dan seterusnya								
JUMLAH X:									
BAHAGIAN Y: PERKONGSIAN									
Bil.	Pengenalan Perkongsian	No. Cukai Pendapatan Perkongsian	(A) Kenaan Imbangan	(B) Baki Bawa Hadapan	(C) Amaun Diabaikan	(D) Elaun Imbangan	(E) Elaun Modal	(F) Elaun Diserap	(G) Baki Hantar Hadapan (B - C + D + E - F)
i	Perkongsian 1	D							
ii)	Perkongsian 2	D							
iii)	Perkongsian 3 + 4 dan seterusnya	D							
JUMLAH Y:									
JUMLAH BESAR (X + Y):									

Ruang	Perkara	Keterangan													
C2	Tuntutan Insentif	<p>Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Warta Kerajaan yang berkenaan hendaklah dirujuk bagi menentukan kelayakan sebelum membuat sebarang tuntutan.</p> <p>Bagi ruang C2a, rujuk kod tuntutan insentif (Lampiran D) yang boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDNM: https://www.hasil.gov.my > Borang > Muat Turun Borang > Selain Syarikat & Selain Individu > Panduan Pengiraan Dan Maklumat Lain Untuk Individu > Lampiran-lampiran</p>													
C2a	Menuntut Perbelanjaan Khas / Potongan Selanjutnya dan Potongan Dua Kali / insentif di bawah perenggan 127(3)(b)	<p>Tuntutan ini dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Perbelanjaan khas (2) Potongan selanjutnya (3) Potongan dua kali (4) Insentif di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 <p>Pilih kod tuntutan yang berkenaan daripada senarai insentif yang disediakan bagi empat (4) kategori tuntutan di atas dan masukkan amaun berkenaan.</p> <p>Bagi perbelanjaan yang dikategorikan sebagai 'potongan selanjutnya', amaun yang perlu dimasukkan di bahagian ini ialah amaun potongan tambahan kepada perbelanjaan asal yang telah dituntut dalam akaun.</p>													
		<p><u>Perenggan 127(3)(b) ACP 1967</u></p> <p>Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana kelas orang daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan.</p> <p>Rujuk Lampiran D, pilih kod tuntutan daripada senarai insentif yang disediakan bagi jenis pengecualian / elaun yang dituntut, dan masukkan amaun berkenaan.</p> <p>Isikan kod tuntutan dan masukkan amaun tuntutan.</p> <p>Contoh:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kod Tuntutan</th> <th>Baki Bawa Hadapan</th> <th>Amaun Dituntut</th> <th>Amaun Diserap</th> <th>Baki Hantar Hadapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>532</td> <td>0</td> <td>10,000</td> <td>10,000</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>537</td> <td>0</td> <td>10,000</td> <td>10,000</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.</p> <p>Lampiran dan helaian kerja yang disediakan oleh LHDNM boleh digunakan sebagai panduan untuk membuat pengiraan dan pelarasan.</p>	Kod Tuntutan	Baki Bawa Hadapan	Amaun Dituntut	Amaun Diserap	Baki Hantar Hadapan	532	0	10,000	10,000	0	537	0	10,000
Kod Tuntutan	Baki Bawa Hadapan	Amaun Dituntut	Amaun Diserap	Baki Hantar Hadapan											
532	0	10,000	10,000	0											
537	0	10,000	10,000	0											
C2b	Menuntut insentif di bawah subseksyen 127(3A)	<p><u>Subseksyen 127(3A) ACP 1967</u></p> <p>Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana orang tertentu daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan.</p> <p>Isikan Nombor Siri Surat Kelulusan Insentif dari Kementerian Kewangan dan masukkan amaun berkenaan.</p> <p>Surat Kelulusan Menteri, pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.</p> <p>Contoh:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>No. Kelulusan Insentif</th> <th>Baki Bawa Hadapan</th> <th>Amaun Dituntut</th> <th>Amaun Diserap</th> <th>Baki Hantar Hadapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CPXXXX/2021</td> <td>0</td> <td>45,000</td> <td>45,000</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table>	No. Kelulusan Insentif	Baki Bawa Hadapan	Amaun Dituntut	Amaun Diserap	Baki Hantar Hadapan	CPXXXX/2021	0	45,000	45,000	0			
No. Kelulusan Insentif	Baki Bawa Hadapan	Amaun Dituntut	Amaun Diserap	Baki Hantar Hadapan											
CPXXXX/2021	0	45,000	45,000	0											

Ruang ini disediakan untuk melaporkan amaun kerugian tahun taksiran semasa dan tahun taksiran kebelakangan:

Kerugian Tahun Taksiran Semasa

Kerugian tahun taksiran semasa perniagaan dan perkongsian yang diserap / diserahkan dalam tahun taksiran semasa serta baki kerugian yang dihantar hadapan untuk tolakan dalam tahun taksiran akan datang.

Kerugian Tahun Taksiran Ke belakang *

Pelaporan tuntutan kerugian ke belakang yang diserap dalam tahun semasa perlu dibuat mengikut tahun taksiran kerugian tersebut mula berbangkit dengan mengambilkira maklumat berikut:

- Kerugian diabaikan / diserap sehingga tahun taksiran sebelum tahun taksiran semasa; dan
- Kerugian diabaikan / diserap dalam tahun taksiran semasa serta baki kerugian yang dihantar hadapan untuk diabaikan / ditolak dalam tahun taksiran berikutnya.

*** Nota:**

Mulai Tahun Taksiran 2019, kerugian tahun semasa yang tidak dapat diserap hanya dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk diserap bagi tempoh maksimum sehingga 10 tahun taksiran berturut-turut [Subseksyen 44(5F)].

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 43 dan 44

Peruntukan khas ini membenarkan kerugian yang masih belum diserap sepenuhnya dalam Tahun Taksiran 2018, dibenarkan dibawa ke hadapan untuk diserap sehingga maksimum 10 tahun taksiran bermula Tahun Taksiran 2019.

Gunakan helaian kerja HK-1.3 untuk membuat pengiraan dan pelarasan kerugian.

Ruang	Perkara	Keterangan
C3	Tuntutan kerugian	<p>Ruang ini disediakan untuk melaporkan amaun kerugian tahun taksiran semasa dan tahun taksiran kebelakangan:</p> <p>Kerugian Tahun Taksiran Semasa</p> <p>Kerugian tahun taksiran semasa perniagaan dan perkongsian yang diserap / diserahkan dalam tahun taksiran semasa serta baki kerugian yang dihantar hadapan untuk tolakan dalam tahun taksiran akan datang.</p> <p>Kerugian Tahun Taksiran Ke belakang *</p> <p>Pelaporan tuntutan kerugian ke belakang yang diserap dalam tahun semasa perlu dibuat mengikut tahun taksiran kerugian tersebut mula berbangkit dengan mengambilkira maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerugian diabaikan / diserap sehingga tahun taksiran sebelum tahun taksiran semasa; dan • Kerugian diabaikan / diserap dalam tahun taksiran semasa serta baki kerugian yang dihantar hadapan untuk diabaikan / ditolak dalam tahun taksiran berikutnya. <p>* Nota:</p> <p>Mulai Tahun Taksiran 2019, kerugian tahun semasa yang tidak dapat diserap hanya dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk diserap bagi tempoh maksimum sehingga 10 tahun taksiran berturut-turut [Subseksyen 44(5F)].</p> <p><u>Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 43 dan 44</u></p> <p>Peruntukan khas ini membenarkan kerugian yang masih belum diserap sepenuhnya dalam Tahun Taksiran 2018, dibenarkan dibawa ke hadapan untuk diserap sehingga maksimum 10 tahun taksiran bermula Tahun Taksiran 2019.</p> <p>Gunakan helaian kerja HK-1.3 untuk membuat pengiraan dan pelarasan kerugian.</p>
	Lampiran C3a Tuntutan kerugian	<p>Selepas pengiraan dan pelarasan kerugian, rumusan kerugian diabaikan / diserap / dan kerugian hantar hadapan hendaklah diisi dalam lampiran ruang C3a.</p> <p>Contoh lampiran ruang C3a:</p>

RUMUSAN KERUGIAN						
KERUGIAN TAHUN TAKSIRAN SEMASA						
(a)		(b)		(c)		
Kerugian Tahun Taksiran Semasa		Amaun Diserap Dalam Tahun Taksiran Semasa		Baki Hantar Hadapan (c = a - b)		
KERUGIAN TAHUN TAKSIRAN KE BELAKANG						
Tahun Taksiran Kerugian Mula Berbangkit	(d) Amaun Asal Kerugian Pada Tahun Taksiran Kerugian Mula Berbangkit	KEDUDUKAN KERUGIAN BELUM DISERAP PADA AWAL TAHUN TAKSIRAN SEMASA		KERUGIAN DISERAP / DIABAIKAN DALAM TAHUN TAKSIRAN SEMASA		(j) Baki Hantar Hadapan (j = f - g - h)
		(e) Amaun Diserap (Terkumpul)	(f) Baki Belum Diserap (f = d - e)	(g) Amaun Diabaikan Di Bawah Subseksyen 44(5F)	(h) Amaun Diserap	
2018 & sebelum						
2019						
2020						
2021						
Ruang C3a	Perkara	Amaun dari lampiran ruang C3a				
(a)	Amaun diabaikan	Amaun (g)				
(b)	Amaun diserap	Amaun (b) campur amaun (h) dari tahun-tahun taksiran 2018 & sebelum, 2019, 2020 dan 2021				
(c)	Baki hantar hadapan	Amaun (c) campur amaun (j) dari tahun-tahun taksiran 2018 & sebelum, 2019, 2020 dan 2021				

BAHAGIAN D : MAKLUMAT BADAN AMANAH		
Ruang	Perkara	Keterangan
D1	Alamat surat-menyurat Badan Amanah	Alamat yang digunakan untuk berurusan dengan LHDNM.
D2	Alamat premis Badan Amanah (jika berkenaan)	Alamat di mana perniagaan utama dijalankan.
D3	Alamat di mana rekod Badan Amanah disimpan	Isikan '1' sekiranya rekod dan dokumen badan amanah disimpan di alamat surat-menyurat seperti di ruang D1; atau '2' jika disimpan di alamat premis badan amanah seperti di ruang D2. Isikan '3' jika tidak disimpan di alamat seperti di ruang D1 dan D2.
D4	Alamat Lain	Nyatakan alamat di mana rekod badan amanah disimpan sekiranya ruang D3 = 3.
D5	No. telefon	Nombor telefon di premis perniagaan. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LHDNM.
D6	E-mel	Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja.
D7	Nama bank	Nyatakan nama bank di mana Badan Amanah mempunyai akaun bank. Untuk tujuan pembayaran balik secara elektronik, sila pastikan maklumat bagi ruang D7 hingga D9 adalah betul.
D8	No. akaun bank	Nombor akaun badan amanah di bank berkenaan seperti dinyatakan di ruang D7.
D9	No. Pengenalan Bank	Merujuk kepada nombor pengenalan yang diberikan oleh bank atau nombor yang digunakan oleh pemegang akaun [organisasi perniagaan seperti kumpulan wang, peguam, amanah, koperasi dan sebagainya yang tidak mempunyai nombor pendaftaran syarikat / perniagaan kerana tidak tertakluk kepada pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]. Selain daripada nama pemegang akaun bank dan nombor akaun bank, nombor ini digunakan oleh bank sebagai tambahan kunci untuk semakan dan pengesahan bagi tujuan pembayaran balik lebih cukai melalui EFT.
D10 - D11	Maklumat pemegang amanah	Isikan maklumat pemegang amanah di lampiran yang disediakan. Nota: <ul style="list-style-type: none"> Isikan ruang D10a hingga D11d berkenaan maklumat pemegang amanah. Sekiranya badan amanah mempunyai lebih daripada dua (2) pemegang amanah, sila senaraikan mengikut format dari lampiran ruang D10 dan kemukakan bersama Borang TA.

D12	Maklumat kewangan badan amanah	
	Isikan maklumat kewangan badan amanah di lampiran yang disediakan.	
	Kod perniagaan	Isikan kod perniagaan (Rujuk Lampiran G) bagi perniagaan utama sahaja. Jika mempunyai lebih daripada satu perniagaan utama, isikan kod perniagaan untuk perniagaan yang mempunyai perolehan terbesar.
	Jenis aktiviti perniagaan	Nyatakan jenis aktiviti perniagaan berkenaan dalam petak yang disediakan.
	Jualan atau perolehan	Jumlah pendapatan kasar perniagaan utama termasuk pendapatan terakru daripada jualan, fi dan terimaan lain.
	Stok awal	Stok awal barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan.
	Belian	Jumlah belian kasar tolak diskaun, pulangan keluar dan rebat berkaitan dengan perniagaan utama.
	Kos pengeluaran	Kos pengeluaran daripada Akaun Pengilangan.
	Stok akhir	Stok akhir barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan.
	Kos jualan	Jumlah (Stok awal + Belian + Kos pengeluaran – Stok akhir). Isikan '0' jika tiada.
	Untung / Rugi kasar	Jualan atau perolehan <i>tolak</i> Kos jualan. Tandakan 'X' jika nilai negatif (rugi).
	Perniagaan lain	Jumlah pendapatan kasar perniagaan daripada punca selain daripada Kod perniagaan yang diisi.
	Dividen	Pendapatan kasar daripada punca berkenaan.
	Faedah dan diskaun	
	Sewa, royalti dan premium	
	Pendapatan lain	Jumlah pendapatan kasar daripada semua punca bukan perniagaan yang tidak disenaraikan di atas.
	Perbelanjaan	Amaun seperti dalam Akaun Untung Rugi. Faedah Pinjaman Jumlah semua perbelanjaan faedah kecuali faedah sewa beli dan faedah pajakan.
	Untung / Rugi bersih	Amaun seperti dalam Akaun Untung Rugi. Tandakan 'X' jika nilai negatif (rugi).
	Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	Amaun F1 dari Helaian Kerja HK-1 atau HK-1D.
	Aset Tetap	Nilai buku bersih seperti dalam Kunci Kira-Kira.
Pelaburan	Kos pelaburan dan simpanan tetap.	
Aset Semasa	Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.	
Liabiliti	Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.	
Modal dan Dana	Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira.	
D13	Maklumat pembahagian hak kepada benefisiari	Isikan maklumat bagi setiap benefisiari yang menerima pendapatan daripada badan amanah di lampiran yang disediakan. Sekiranya badan amanah mempunyai lebih daripada 10 benefisiari, sila senaraikan mengikut format dari lampiran ruang D13 dan kemukakan bersama Borang TA. Bahagian Hak: Nyatakan bahagian hak setiap benefisiari dalam peratusan (%) mengikut pembahagian oleh pemegang amanah seperti dibenarkan / ditetapkan dalam wasiat atau surat ikatan badan amanah.

		<p>NOTA:</p> <p>Helaian Kerja HK-12</p> <p>– Helaian kerja ini boleh digunakan untuk tujuan penyimpanan rekod oleh badan amanah.</p> <p>Helaian Kerja HK-12A</p> <p>– Badan amanah boleh gunakan helaian kerja ini untuk menyediakan dan menyerahkan kepada setiap benefisiari bagi membolehkan mereka melapor pendapatan dan mengemukakan Borang Nyata masing-masing kepada LHDNM dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>– Gunakan helaian kerja yang berasingan untuk setiap benefisiari.</p>
D14	Menerima pendapatan punca Malaysia yang dikecualikan cukai	<p>Bahagian ini hanya perlu diisi sekiranya badan amanah mempunyai punca pendapatan yang dikecualikan cukai pendapatan dalam tahun semasa.</p> <p>Sekiranya badan amanah mempunyai pendapatan punca Malaysia yang dikecualikan cukai pendapatan dalam tahun semasa, isikan '1' dalam petak untuk 'Ya' dan isi juga maklumat lain seperti dikehendaki dalam lampiran D14.</p> <p>Isikan '2' dalam petak untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan.</p>
D15	Membuat pembayaran yang dikecualikan daripada peruntukan perenggan 39(1)(r) kepada entiti Labuan	<p>Sekiranya badan amanah membuat pembayaran yang dikecualikan daripada peruntukan perenggan 39(1)(r) kepada entiti Labuan, isikan '1' dalam petak untuk 'Ya' dan isi juga maklumat lain seperti dikehendaki dalam lampiran.</p> <p>Isikan '2' dalam petak untuk 'Tidak' sekiranya tidak membuat pembayaran yang dikecualikan daripada peruntukan perenggan 39(1)(r) kepada entiti Labuan atau tidak berkenaan.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, rujuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ Pengecualian pemastatin Malaysia dari peruntukan perenggan 39(1)(r) di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2021 [P.U.(A) 425/2021]. ~ Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan Yang Tidak Dibenarkan Bagi Pembayaran Kepada Syarikat Labuan Oleh Pemastautin) 2018 (Pindaan) 2020 [P.U.(A) 376/2020]; dan ~ Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan Yang Tidak Dibenarkan Bagi Pembayaran Kepada Syarikat Labuan Oleh Pemastautin) 2018 [P.U.(A) 375/2018]

BAHAGIAN E :

MAKLUMAT LAIN BADAN AMANAH

Ruang	Perkara	Keterangan
E1	Pendapatan bercukai tahun ke belakang yang belum dilapor (jika ada)	Pendapatan yang diterima berkenaan sesuatu tahun terdahulu yang belum dilaporkan. Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.
E2	Maklumat cukai pegangan	<p>Isikan '1' dalam petak untuk 'Ya' sekiranya badan amanah membuat bayaran kepada bukan pemastautin dalam tempoh asas yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A, 109, 109A, 109B, dan 109F. Isikan '2' dalam petak untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan.</p> <p>Jenis-jenis cukai pegangan adalah seperti berikut:</p> <p>Cukai pegangan di bawah seksyen 107A</p> <p>Bahagian perkhidmatan kontrak yang dibayar kepada kontraktor bukan pemastautin.</p> <p>Kadar cukai pegangan:</p>

		<p>10% atas jumlah kasar [Perenggan 107A(1)(a) ACP 1967] Tambah 3% atas jumlah kasar [Perenggan 107A(1)(b) ACP 1967] (Peraturan dan prosedur membuat bayaran kepada Unit / Cawangan Pungutan LHDNM hendaklah dipatuhi).</p> <hr/> <p>Cukai pegangan di bawah seksyen 109 Faedah atau royalti yang dibayar kepada bukan pemastautin. Kadar cukai seperti yang ditetapkan dalam Bahagian II, Jadual 1 ACP 1967 Faedah – 15% atas jumlah kasar. Royalti – 10% atas jumlah kasar. kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (Rujuk Lampiran F).</p> <hr/> <p>Cukai pegangan di bawah seksyen 109A Bayaran kepada penghibur awam untuk perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia. Kadar cukai seperti ditetapkan dalam Bahagian II Jadual 1 ACP 1967 iaitu 15% atas jumlah kasar.</p> <hr/> <p>Cukai pegangan di bawah seksyen 109B Bayaran jenis kelas khas di bawah seksyen 4A ACP 1967 yang dibayar kepada bukan pemastautin. Kadar cukai seperti ditetapkan dalam Bahagian V Jadual 1 ACP 1967 iaitu 10% atas jumlah kasar kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (Rujuk Lampiran F).</p> <hr/> <p>Cukai pegangan di bawah seksyen 109F Bayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin. Kadar cukai seperti ditetapkan dalam Bahagian XIII Jadual 1 ACP 1967 iaitu 10% atas jumlah kasar perolehan atau keuntungan di bawah perenggan 4(f) yang diperoleh dari Malaysia.</p>								
E3a	Melupuskan aset di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976	<p>Merujuk kepada aset yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Sekiranya ada melupuskan aset, isikan '1' untuk 'Ya' dan isi juga ruang E3b. Isi '2' untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan.</p>								
E3b	Melaporkan pelupusan tersebut kepada LHDNM	<p>Isikan '1' ('Ya') jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM atau '2' ('Tidak') jika belum. Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan badan amanah berkenaan (pelupus). Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, https://www.hasil.gov.my.</p>								
E4	Tertakluk kepada sekatan faedah di bawah seksyen 140c	<p>Sekiranya badan amanah tertakluk kepada sekatan faedah di bawah seksyen 140c, isikan '1' dalam petak untuk 'Ya' dan isi juga maklumat seperti dikehendaki dalam jadual berikut.</p> <table border="1" data-bbox="472 1906 1524 2011"> <thead> <tr> <th>Amaun cukai - EBITDA</th> <th>Belanja faedah tertakluk di bawah seksyen 140c</th> <th>Belanja faedah yang disekat</th> <th>Baki Hantar Hadapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>Isikan '2' dalam petak untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan / tidak terpakai.</p>	Amaun cukai - EBITDA	Belanja faedah tertakluk di bawah seksyen 140c	Belanja faedah yang disekat	Baki Hantar Hadapan				
Amaun cukai - EBITDA	Belanja faedah tertakluk di bawah seksyen 140c	Belanja faedah yang disekat	Baki Hantar Hadapan							

	Amaun cukai – EBITDA	<p>Pengiraan cukai - EBITDA merujuk kepada formula seperti dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Sekatan Ke Atas Kebolehpotongan Faedah) 2019 [P.U. (A) 175/2019].</p> <p>Contoh pengiraan boleh dirujuk dalam <i>Restriction on Deductibility of Interest Guidelines [Section 140C, Income Tax Act 1967]</i> (hanya dalam versi Bahasa Inggeris sahaja) di Portal RasmiLHDNM:</p> <p style="text-align: center;">http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/RDIG_05072019.pdf</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p>Laman Utama > Antarabangsa > <i>Restriction on Deductibility of Interest Guidelines [Section 140C, Income Tax Act 1967]</i></p>
	Belanja faedah tertakluk di bawah seksyen 140c	<p>Belanja faedah di bawah seksyen 140C adalah seperti definisi dalam subseksyen 140C(3) di mana 'interest expense' bermaksud:</p> <p>a) <i>Interest on all forms of debt; or</i></p> <p>b) <i>Payments economically equivalent to interest (excluding expenses incurred in connection with the raising of finance)</i></p> <p>Sila rujuk juga kepada perenggan 3.5, 3.6, 3.7 dan 3.9 dalam <i>Guidelines</i> tersebut.</p>
	Belanja faedah yang disekat	<p>Amaun faedah maksimum yang disebut dalam seksyen 140C ACP 1967 hendaklah suatu amaun yang bersamaan dengan:</p> $20\% \times \left[\begin{array}{l} \text{Amaun cukai-EBITDA daripada setiap} \\ \text{punca yang terdiri daripada perniagaan} \end{array} \right]$
	Baki hantar hadapan	<p>Perbelanjaan faedah yang melebihi amaun faedah maksimum adalah dibenarkan untuk dibawa hadapan dan dipotong daripada pendapatan larasan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya tertakluk kepada amaun faedah maksimum bagi tahun taksiran berkenaan walaupun badan amanah itu tiada perbelanjaan faedah bagi mana-mana tahun taksiran berikutnya, sehingga keseluruhan amaun lebihan itu digunakan sepenuhnya.</p>
E5a	Tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016	<p>Isikan '1' jika badan amanah adalah merupakan entiti konstituen suatu kumpulan perbadanan multinasional (Kumpulan MNE) yang tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016 serta Kaedah- Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) (Pindaan) 2017.</p> <p>Isikan '2' jika tidak berkenaan.</p> <p>Jika E5a = '1' ('Ya'), isi juga ruang E5b.</p> <p>Entiti konstituen ertinya :</p> <p>a) mana-mana unit perniagaan berasingan suatu Kumpulan MNE yang dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan Kumpulan MNE itu, atau akan dimasukkan jika kepentingan ekuiti dalam unit perniagaan itu diniagakan di bursa sekuriti awam;</p> <p>b) mana-mana unit perniagaan berasingan yang tidak dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan Kumpulan MNE semata-mata atas alasan saiz atau kepentingan;</p> <p>c) mana-mana establismen tetap mana-mana unit perniagaan berasingan suatu Kumpulan MNE seperti disebut dalam (a) atau (b), dengan syarat unit perniagaan itu menyediakan penyata kewangan berasingan bagi establismen tetap itu bagi maksud pelaporan kewangan, pengawalseliaan, pelaporan cukai, atau kawalan pengurusan dalaman.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, rujuk:</p> <p>~ Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016</p>

		<p>(P.U. (A) 357/2016) serta Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara)(Pindaan) 2017 (P.U. (A) 416/2017).</p> <p>~ Undang-undang dan peraturan serta panduan berkaitan Pelaporan Mengikut Negara (CbCR) di Portal Rasmi LHDNM: https://www.hasil.gov.my > Antarabangsa</p>
E5b	Tertakluk sebagai entiti pelapor / bukan entiti pelapor	<p>Mana-mana entiti konstituen suatu Kumpulan MNE yang tertakluk kepada subperaturan 6(1) atau subperaturan 6(2) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016 dan (Pindaan) 2017 dikehendaki memaklumkan identiti dan mastautin cukai entiti pelapor.</p> <p>Isi '1' jika badan amanah adalah entiti konstituen yang tertakluk sebagai entiti pelapor, isi lampiran yang dikehendaki. Isi '2' jika tertakluk sebagai bukan entiti pelapor, isi lampiran yang dikehendaki.</p> <p>Entiti pelapor merujuk kepada entiti pemegang muktamad atau entiti pemegang pengganti.</p> <p>Entiti bukan pelapor merujuk kepada entiti konstituen kumpulan perbadanan multinasional yang bermastautin di Malaysia atau establismen tetap di Malaysia yang bukan entiti pelapor.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, rujuk:</p> <p>~ Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016 (P.U. (A) 357/2016) serta Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara)(Pindaan) 2017 (P.U. (A) 416/2017).</p> <p>~ Undang-undang dan peraturan serta panduan berkaitan Pelaporan Mengikut Negara (CbCR) di Portal Rasmi LHDNM: https://www.hasil.gov.my > Antarabangsa</p>

<p>Pemberitahuan sebagai entiti pelapor, jika E5b = 1</p>	<p>Pemberitahuan sebagai entiti pelapor di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016 dan (Pindaan) 2017. Isi maklumat dikehendaki.</p>
<p>Nama Kumpulan MNE</p>	<p>Nama kumpulan MNE (jika ada). Kumpulan MNE ertinya suatu kumpulan perusahaan multinasional yang berkaitan melalui pemilikan atau kawalan yang dengan itu ia dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan di bawah prinsip perakaunan yang terpakai atau akan dikehendaki untuk berbuat demikian sekiranya kepentingan ekuiti dalam mana-mana perusahaannya diniagakan di bursa sekuriti awam yang termasuk—</p> <p>(a) dua atau lebih perusahaan yang mastautin cukainya adalah di dalam wilayah bidang kuasa yang berlainan; atau</p> <p>(b) suatu perusahaan yang bermastautin di Malaysia dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di dalam wilayah bidang kuasa yang lain, atau bermastautin di dalam wilayah bidang kuasa yang lain dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di Malaysia.</p>
<p>Tempoh perakaunan</p>	<p>Tarikh mula dan tarikh akhir tempoh perakaunan entiti pelapor.</p>
<p>Bilangan Entiti konstituen di dalam Malaysia</p>	<p>Jumlah entiti konstituen yang bermastautin di dalam Malaysia.</p>
<p>Bilangan entiti konstituen di luar Malaysia</p>	<p>Jumlah entiti konstituen yang bermastautin di luar Malaysia.</p>

	<p>Pemberitahuan sebagai bukan entititi pelapor, jika E5b = 2</p>	<p>Pemberitahuan sebagai bukan entititi pelapor di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016 dan (Pindaan) 2017. Isi maklumat dikehendaki.</p> <table border="1" data-bbox="483 215 1522 1711"> <tr> <td data-bbox="483 215 740 293">Nama entiti pelapor</td> <td data-bbox="740 215 1522 293">Nama entiti pelapor.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="483 293 740 371">No. cukai pendapatan</td> <td data-bbox="740 293 1522 371">Nombor cukai pendapatan entiti pelapor.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="483 371 740 450">Negara mastautin</td> <td data-bbox="740 371 1522 450">Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="483 450 740 568">Tempoh perakaunan entiti pelapor</td> <td data-bbox="740 450 1522 568">Tarikh mula dan tarikh akhir tempoh perakaunan entiti pelapor.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="483 568 740 1323">Nama Kumpulan MNE</td> <td data-bbox="740 568 1522 1323"> <p>Nama kumpulan MNE (jika ada). Kumpulan MNE ertinya suatu kumpulan perusahaan multinasional yang berkaitan melalui pemilikan atau kawalan yang dengan itu ia dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan di bawah prinsip perakaunan yang terpakai atau akan dikehendaki untuk berbuat demikian sekiranya kepentingan ekuiti dalam mana-mana perusahaannya diniagakan di bursa sekuriti awam yang termasuk—</p> <p>(a) dua atau lebih perusahaan yang mastautin cukainya adalah di dalam wilayah bidang kuasa yang berlainan; atau</p> <p>(b) suatu perusahaan yang bermastautin di Malaysia dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di dalam wilayah bidang kuasa yang lain, atau bermastautin di dalam wilayah bidang kuasa yang lain dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di Malaysia.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="483 1323 740 1509">Status entiti pelapor</td> <td data-bbox="740 1323 1522 1509"> <p>Isikan '1' jika entiti pelapor adalah entiti pemegang muktamad.</p> <p>Isikan '2' entiti pelapor adalah entiti pemegang pengganti.</p> <p>Jika 2, isi juga ruang 7a dan 7b</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="483 1509 740 1628">Nama entiti pemegang muktamad</td> <td data-bbox="740 1509 1522 1628">Nama entiti pemegang muktamad.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="483 1628 740 1711">Negara mastautin</td> <td data-bbox="740 1628 1522 1711">Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.</td> </tr> </table>	Nama entiti pelapor	Nama entiti pelapor.	No. cukai pendapatan	Nombor cukai pendapatan entiti pelapor.	Negara mastautin	Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.	Tempoh perakaunan entiti pelapor	Tarikh mula dan tarikh akhir tempoh perakaunan entiti pelapor.	Nama Kumpulan MNE	<p>Nama kumpulan MNE (jika ada). Kumpulan MNE ertinya suatu kumpulan perusahaan multinasional yang berkaitan melalui pemilikan atau kawalan yang dengan itu ia dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan di bawah prinsip perakaunan yang terpakai atau akan dikehendaki untuk berbuat demikian sekiranya kepentingan ekuiti dalam mana-mana perusahaannya diniagakan di bursa sekuriti awam yang termasuk—</p> <p>(a) dua atau lebih perusahaan yang mastautin cukainya adalah di dalam wilayah bidang kuasa yang berlainan; atau</p> <p>(b) suatu perusahaan yang bermastautin di Malaysia dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di dalam wilayah bidang kuasa yang lain, atau bermastautin di dalam wilayah bidang kuasa yang lain dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di Malaysia.</p>	Status entiti pelapor	<p>Isikan '1' jika entiti pelapor adalah entiti pemegang muktamad.</p> <p>Isikan '2' entiti pelapor adalah entiti pemegang pengganti.</p> <p>Jika 2, isi juga ruang 7a dan 7b</p>	Nama entiti pemegang muktamad	Nama entiti pemegang muktamad.	Negara mastautin	Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.
Nama entiti pelapor	Nama entiti pelapor.																	
No. cukai pendapatan	Nombor cukai pendapatan entiti pelapor.																	
Negara mastautin	Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.																	
Tempoh perakaunan entiti pelapor	Tarikh mula dan tarikh akhir tempoh perakaunan entiti pelapor.																	
Nama Kumpulan MNE	<p>Nama kumpulan MNE (jika ada). Kumpulan MNE ertinya suatu kumpulan perusahaan multinasional yang berkaitan melalui pemilikan atau kawalan yang dengan itu ia dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan disatukan bagi maksud pelaporan kewangan di bawah prinsip perakaunan yang terpakai atau akan dikehendaki untuk berbuat demikian sekiranya kepentingan ekuiti dalam mana-mana perusahaannya diniagakan di bursa sekuriti awam yang termasuk—</p> <p>(a) dua atau lebih perusahaan yang mastautin cukainya adalah di dalam wilayah bidang kuasa yang berlainan; atau</p> <p>(b) suatu perusahaan yang bermastautin di Malaysia dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di dalam wilayah bidang kuasa yang lain, atau bermastautin di dalam wilayah bidang kuasa yang lain dan tertakluk kepada cukai berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan melalui suatu establismen tetap di Malaysia.</p>																	
Status entiti pelapor	<p>Isikan '1' jika entiti pelapor adalah entiti pemegang muktamad.</p> <p>Isikan '2' entiti pelapor adalah entiti pemegang pengganti.</p> <p>Jika 2, isi juga ruang 7a dan 7b</p>																	
Nama entiti pemegang muktamad	Nama entiti pemegang muktamad.																	
Negara mastautin	Rujuk kod negara di muka surat 27 nota penerangan ini atau senarai lengkap di Lampiran E.																	
E6	<p>Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar Malaysia</p>	<p>Tandakan '1' jika mempunyai "akaun kewangan" di institusi kewangan di luar Malaysia atau '2' jika tidak ada / tidak berkenaan. Rujuk maklumat di bawah sebelum membuat pilihan:</p> <p>Pengisytiharan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang percukaian Malaysia, selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dengan Negara-negara Pejanji. Di bawah komitmen tersebut, Malaysia akan menerima maklumat berkenaan akaun kewangan yang disimpan di luar negara oleh pemastautin cukai Malaysia.</p>																

	<p>Walaupun bagaimanapun, status mempunyai akaun kewangan di luar negara bukanlah petunjuk bahawa berlakunya ketidakpatuhan cukai.</p> <p>"Akaun Kewangan" merujuk kepada akaun kewangan yang disenggara oleh institusi kewangan di luar Malaysia yang merangkumi:</p> <p>i) Akaun Depositori</p> <ul style="list-style-type: none"> Akaun simpanan, akaun semasa dan akaun deposit lain. <p>ii) Akaun Jagaan (Custodial)</p> <ul style="list-style-type: none"> Akaun (selain daripada Kontrak Insurans atau Kontrak Anuiti) untuk manfaat orang lain yang memegang sebarang instrumen kewangan atau kontrak untuk pelaburan. <p>iii) Kontrak Insurans Nilai Tunai</p> <ul style="list-style-type: none"> Kontrak Insurans Nilai Tunai ialah satu kontrak insurans yang mana pemegang polisi berhak menerima pembayaran semasa penyerahan atau penamatan kontrak. Kontrak insurans juga akan menjadi Kontrak Insurans Nilai Tunai apabila pemegang polisi boleh meminjam di bawah kontrak tersebut. Ia adalah produk pelaburan yang mempunyai unsur insurans hayat di dalamnya. Elemen insurans hayat biasanya kecil berbanding dengan elemen pelaburan. <p>iv) Kontrak Anuiti</p> <ul style="list-style-type: none"> Kontrak di mana pihak yang menawarkannya bersetuju untuk membuat pembayaran untuk jangka masa yang ditentukan secara keseluruhan atau sebahagian dengan merujuk kepada jangka hayat satu atau lebih individu; atau Kontrak yang mana dianggap sebagai kontrak anuiti di bawah undang-undang, peraturan atau praktis di Malaysia di mana kontrak itu dibuat dan pihak yang menawarkan bersetuju untuk membuat pembayaran dalam satu jangkamasa tertentu. <p>v) Kepentingan Ekuiti dan Hutang dalam Entiti Pelaburan</p> <p>Maklumat lebih lanjut berhubung Pertukaran Maklumat Akaun Kewangan Automatik dengan Negara Pejanji boleh didapati di Portal Rasmi LHDNM, https://www.hasil.gov.my > Antarabangsa > Pertukaran Maklumat Automatik (AEOI) > Standard Pelaporan Bersama (CRS).</p>
--	---

BAHAGIAN F :		MAKLUMAT JURUAUDIT
Ruang	Perkara	Keterangan
F1	Nama firma	Nama firma juruaudit yang mengaudit akaun badan amanah.
F2	Alamat firma	Alamat surat-menyurat firma juruaudit tersebut.
F3	No. cukai pendapatan firma	Nombor cukai pendapatan firma seperti didaftarkan dengan LHDNM.
F4	E-mel firma	Alamat e-mel firma juruaudit.
F5	No. telefon firma	Nombor telefon firma juruaudit.

BAHAGIAN G : MAKLUMAT EJEN CUKAI DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI

G1	Nama ejen cukai	Nama ejen cukai yang menyediakan borang nyata ini.
G2	No. kelulusan ejen cukai	No. kelulusan ejen cukai yang telah diluluskan di bawah peruntukan perenggan 153(3)(b) atau 153(3)(c) ACP 1967.
G3	Nama firma	Nama firma yang menyediakan borang nyata ini.
G4	Alamat firma	Alamat surat-menyurat firma ejen cukai.
G5	No. cukai pendapatan firma	Nombor cukai pendapatan firma ejen cukai seperti didaftarkan.
G6	No. telefon firma	Nombor telefon firma ejen cukai.
G7	E-mel firma	Alamat e-mel firma ejen cukai.
G8	Tandatangan ejen cukai	Tandatangan ejen cukai yang mengisi borang nyata ini.
G9	Tarikh tanda tangan	Tarikh borang nyata ini ditandatangani oleh ejen cukai yang menyediakan borang nyata ini.
G1	Nama ejen cukai	Nama ejen cukai yang menyediakan borang nyata ini.

AKUAN PEMEGANG AMANAH

Pengakuan ini hendaklah dibuat oleh pemegang amanah atau pegawai yang diberi kuasa oleh syarikat amanah yang telah dilantik sebagai pemegang amanah.

Borang nyata yang tidak ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses. Surat Pemberitahuan Borang Nyata Tidak Lengkap akan dikeluarkan kepada tuan sebagai makluman. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan semula borang nyata tersebut kepada LHDNM.

KOD NEGARA

Sebahagian dari kod negara untuk pilihan. Rujuk Lampiran E untuk senarai lengkap jika negara pilihan tidak disenaraikan.

Negara	Kod	Negara	Kod	Negara	Kod
Australia	AU	Iran (Islamic R.O.)	IR	Philippines	PH
Bangladesh	BD	Iraq	IQ	Saudi Arabia	SA
Brunei	BN	Japan	JP	Singapore	SG
Cambodia	KH	Korea, D.P.R.	KP	South Africa	ZA
Canada	CA	Korea, R.O.	KR	Sri Lanka	LK
China	CN	Laos, D.P.R.	LA	Taiwan	TW
Denmark	DK	Malaysia	MY	Thailand	TH
Hong Kong	HK	Myanmar	MM	United Kingdom	GB
India	IN	New Zealand	NZ	United States	US
Indonesia	ID	Pakistan	PK	Vietnam	VN

Nota: R.O. = Republic of; D.P.R. = Democratic People's Republic of